

NOTIS PENTING:**NOTIS PINDAAN KEPADA TERMA DAN SYARAT CIMB CASHLITE/-i**

25 Mei 2026

Pelanggan yang Dihargai,

Berkuat kuasa 19 Jun 2026, Terma dan Syarat CIMB CashLite/-i akan dipinda seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah.

Pindaan ini dibuat antara lain untuk menguatkuasakan keperluan dan prinsip Fair Treatment of Financial Consumers (“FTFC”) dan untuk menjelaskan penggunaan caj kewangan/keuntungan harian sekiranya berlaku penyelesaian awal CashLite/-i.

Untuk memudahkan rujukan, pindaan kepada Terma dan Syarat CIMB CashLite/-i dalam klausa ditandakan dengan huruf tebal dan bergaris bawah dalam jadual di bawah.

Anda boleh melihat Terma dan Syarat CIMB [CashLite/](#) [CashLite-i](#) yang telah dipinda sepenuhnya sebelum 19 Jun 2026 di laman web rasmi CIMB di www.cimb.com.my

1) Terma dan Syarat CIMB CashLite

Klausa	Klausa Sedia Ada	Klausa	Klausa Baharu/Dikemaskini
	Tiada	<u>14</u>	<u>Sebarang prabayar atau pembayaran berlebihan tidak akan mengurangkan baki prinsipal CashLite atau ansuran bulanan berikutnya dan hanya akan dianggap oleh kami sebagai bayaran pendahuluan di bawah kad kredit CIMB anda.</u>
17	Program ini adalah sah untuk satu tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.	<u>18</u>	<p>Program ini sah untuk tempoh yang diputuskan oleh Bank <u>dan Bank akan memberikan notis terlebih dahulu sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar kepada Pemegang Kad tentang sebarang penamatan Program.</u></p> <p><u>Notis penamatan boleh dijalankan melalui mana-mana satu cara berikut:-</u></p> <ul style="list-style-type: none">i) <u>dengan menampal notis di premis Bank; dan/atau</u>ii) <u>melalui penerbitan dalam satu atau lebih akhbar pilihan Bank; dan/atau</u>iii) <u>dengan memasukkan notis dalam Penyata yang dihantar kepada Pemegang Kad; dan/atau</u>iv) <u>melalui pos biasa atau berdaftar kepada Pemegang Kad; dan/atau</u>v) <u>melalui SMS atau mel elektronik atau rakaman suara kepada Pemegang Kad atau dengan menampal notis di laman web Bank.</u>

			<p><u>Notis yang dihantar dengan cara yang diterangkan di atas dianggap telah diterima oleh Pemegang Kad dengan cara yang sama seperti yang diperuntukkan dalam Klausa 13A(b) Terma dan Syarat Pemegang Kad.</u></p>
18	<p>Sekiranya Bank menawarkan Jumlah CashLite kepada Pemegang Kad tetapi mendapati kemudiannya bahawa Pemegang Kad telah memungkir Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad atau tidak mempunyai had kredit yang mencukupi, Bank boleh dengan serta merta, membatalkan tawaran yang dibuat dan menarik balik Jumlah CashLite yang diberikan.</p>	19	<p>Sekiranya Bank menawarkan Jumlah CashLite kepada Pemegang Kad <u>dan kemudian mendapati bahawa Pemegang Kad telah melanggar Terma dan Syarat ini dan/atau Terma & Syarat Pemegang Kad sebelum ini, Bank boleh membatalkan, menamatkan atau menggantung CashLite dengan memberikan notis tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu kepada Pemegang Kad. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan, kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pemegang Kad akibat pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut, melainkan jika ia disebabkan secara langsung oleh penipuan, kecuaiian atau keingkaran sengaja Bank. Bagi mengelakkan keraguan, permohonan CashLite tidak akan diluluskan atau diberikan jika Pemegang Kad tidak mempunyai had kredit yang mencukupi.</u></p>
20	<p>Baki tertunggak Jumlah CashLite yang penuh (iaitu ansuran bulanan yang kena dibayar termasuk caj lewat dan caj kewangan dan jumlah prinsipal tertunggak) yang terhutang mesti dibayar atas penyelesaian awal.</p>	21	<p><u>Setelah penyelesaian awal Programmexxx, Pemegang Kad dikehendaki membayar baki penuh Amaun CashLite, yang hendaklah termasuk:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> (a) <u>semua Bayaran Bulanan Cashlite yang perlu dibayar dan belum dibayar;</u> (b) <u>sebarang caj pembayaran lewat dan caj kewangan yang telah dibilkan;</u> (c) <u>jumlah prinsipal yang belum dijelaskan; dan</u> (d) <u>sebarang yuran dan caj lain seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.</u>
	Tiada	25	<p><u>Tanpa menjejaskan Klausa 21 di atas, jika jumlah tertunggak yang timbul daripada penyelesaian awal tidak dibayar sepenuhnya pada tarikh penyelesaian awal, caj kewangan harian pada kadar 18% setahun akan terakru ke atas baki tertunggak, dikira setiap hari dari tarikh penyelesaian awal sehingga tarikh pembayaran penuh diterima oleh Bank (termasuk kedua-dua tarikh).</u></p> <p><u>Caj kewangan harian tersebut akan dicaj ke Akaun Pemegang Kad dan hendaklah dibayar mengikut Terma dan Syarat Pemegang Kad.</u></p>

			<p><u>Contoh 3: Ilustrasi Caj Kewangan Harian Selepas Penyelesaian Awal:</u></p> <p><u>Jumlah tertunggak yang perlu dibayar semasa penyelesaian awal (termasuk prinsipal tertunggak dan Faedah Ansuran pro-rata): RM3,063.25</u></p> <p><u>Tarikh penyelesaian awal: 1 Julai 2026</u> <u>Tarikh pembayaran penuh: 11 Julai 2026</u> <u>Bilangan hari tertunggak: 11 hari</u> <u>Kadar caj kewangan harian: 18% setahun</u></p> <p><u>Pengiraan Caj Kewangan Harian:</u></p> <p><u>Caj kewangan harian</u> <u>= Amaun tertunggak × 18% × Bilangan hari / 365</u> <u>= RM3,063.25 × 18% × 11 / 365</u> <u>= RM16.65</u></p> <p><u>Jumlah amaun yang perlu dibayar:</u></p> <table border="1"> <thead> <tr> <th><u>Keterangan</u></th> <th><u>Amaun (RM)</u></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td><u>Amaun tertunggak pada tarikh penyelesaian awal</u></td> <td><u>3,063.25</u></td> </tr> <tr> <td><u>Caj kewangan harian (11 hari)</u></td> <td><u>16.65</u></td> </tr> <tr> <td><u>Jumlah yang perlu dibayar</u></td> <td><u>3,079.90</u></td> </tr> </tbody> </table>	<u>Keterangan</u>	<u>Amaun (RM)</u>	<u>Amaun tertunggak pada tarikh penyelesaian awal</u>	<u>3,063.25</u>	<u>Caj kewangan harian (11 hari)</u>	<u>16.65</u>	<u>Jumlah yang perlu dibayar</u>	<u>3,079.90</u>
<u>Keterangan</u>	<u>Amaun (RM)</u>										
<u>Amaun tertunggak pada tarikh penyelesaian awal</u>	<u>3,063.25</u>										
<u>Caj kewangan harian (11 hari)</u>	<u>16.65</u>										
<u>Jumlah yang perlu dibayar</u>	<u>3,079.90</u>										
26	Jika Pembayaran Bulanan CashLite tidak dibayar untuk 3 bulan berturut-turut, Bank boleh menamatkan dan menarik balik Program tersebut.	<u>28</u>	Jika Pembayaran Bulanan CashLite tidak dibayar untuk 3 bulan berturut-turut, <u>Bank boleh menamatkan Program yang disediakan kepada Pemegang Kad Layak dengan memberikan notis tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu dan Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan, kerugian atau kerosakan Pemegang Kad Layak akibat pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh Bank, melainkan jika ia disebabkan secara langsung oleh penipuan, kecuaiian atau keingkaran sengaja Bank.</u>								
29	Bank boleh mengubah (sama ada menambah, memotong atau sebaliknya meminda) (“Pindaan”) mana-mana terma-terma dan syarat-syarat dengan memberikan kepada Pemegang Kad notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum sebarang Pindaan berkuat kuasa. Notis Pindaan boleh diberi dengan cara yang sama seperti notis pindaan diberikan di bawah	<u>31</u>	Bank boleh mengubah (sama ada menambah, memotong atau sebaliknya meminda) (“Pindaan”) mana-mana terma-terma dan syarat-syarat dengan memberikan kepada Pemegang Kad notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum sebarang Pindaan berkuat kuasa. <u>Pindaan ini boleh dibuat untuk memudahkan perubahan dalam operasi perniagaan, proses atau keperluan sistem, atau disebabkan oleh keperluan perundangan atau peraturan atau atas sebab-sebab yang mungkin ditetapkan oleh Bank dalam</u>								

	Terma-Terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad.		notis tersebut. Notis Pindaan boleh diberi dengan cara yang sama seperti notis pindaan diberikan di bawah Terma-Terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad.
32	Bank tidak akan bertanggungjawab jika ia tidak dapat melaksanakan mana-mana kwajipannya di bawah terma-terma dan syarat-syarat ini atau yang berkaitan dengan Program disebabkan apa-apa bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang peristiwa di luar kawalan munasabah Bank.	34	Bank tidak akan bertanggungjawab jika ia tidak dapat <u>menjalankan mana-mana tugasnya di bawah terma dan syarat ini atau berkaitan dengan Program disebabkan oleh sebarang bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, penguncian, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang peristiwa di luar kawalan munasabah Bank melainkan jika ia disebabkan secara langsung oleh penipuan, kecuiaan atau keingkaran sengaja Bank.</u>

2) Terma dan Syarat CIMB CashLite-i

Klausa	Klausa Sedia Ada	Klausa	Klausa Baharu/Dikemaskini
	Tiada	14	<u>Sebarang prabayar atau pembayaran berlebihan tidak akan mengurangkan baki prinsipal CashLite-i atau ansuran bulanan berikutnya dan hanya akan dianggap oleh Bank sebagai bayaran pendahuluan di bawah kad kredit-i CIMB anda.</u>
17	Program ini adalah sah untuk satu tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.	18	<p><u>Program ini sah untuk tempoh yang diputuskan oleh Bank dan Bank akan memberikan notis terlebih dahulu sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar kepada Pemegang Kad tentang sebarang penamatan Program.</u></p> <p><u>Notis penamatan boleh dijalankan melalui mana-mana satu cara berikut:-</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i) <u>dengan menampal notis di premis Bank; dan/atau</u> ii) <u>melalui penerbitan dalam satu atau lebih akhbar pilihan Bank; dan/atau</u> iii) <u>dengan memasukkan notis dalam Penyata yang dihantar kepada Pemegang Kad; dan/atau</u> iv) <u>melalui pos biasa atau berdaftar kepada Pemegang Kad; dan/atau</u> v) <u>melalui SMS atau mel elektronik atau rakaman suara kepada Pemegang Kad</u>

			<p><u>atau dengan menampal notis di laman web Bank.</u></p> <p><u>Notis yang dihantar dengan cara yang diterangkan di atas dianggap telah diterima oleh Pemegang Kad dengan cara yang sama seperti yang diperuntukkan dalam Klausa 13 Terma dan Syarat Pemegang Kad.</u></p>
18	<p>Sekiranya Bank menawarkan Jumlah CashLite-i kepada Pemegang Kad tetapi mendapati kemudiannya bahawa Pemegang Kad telah memungkir Terma-Terma dan Syarat-Syarat Pemegang Kad atau tidak mempunyai had kredit yang mencukupi, Bank boleh dengan serta merta, membatalkan tawaran Jumlah CashLite-i yang diberikan.</p>	<u>19</u>	<p>Sekiranya Bank menawarkan Jumlah CashLite-i kepada Pemegang Kad <u>dan kemudian mendapati bahawa Pemegang Kad telah melanggar Terma dan Syarat ini dan/atau Terma & Syarat Pemegang Kad sebelum ini, Bank boleh membatalkan, menamatkan atau menggantung CashLite-i dengan memberikan notis tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu kepada Pemegang Kad. Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan, kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pemegang Kad akibat pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut, melainkan jika ia disebabkan secara langsung oleh penipuan, kecuaiian atau keingkaran sengaja Bank. Bagi mengelakkan keraguan, permohonan CashLite-i tidak akan diluluskan atau diberikan jika Pemegang Kad tidak mempunyai had kredit yang mencukupi.</u></p>
20	<p>Dalam melakukan penyelesaian awal, Pemegang Kad perlu membayar jumlah baki tertunggak CashLite-i (iaitu ansuran bulanan yang kena dibayar termasuk jumlah amaun Prinsipal, Caj Keuntungan dan Ta'widh (caj pampasan) yang terhutang di bawah Akaun Pemegang Kad dan Bank akan memberikan rebat dimana-mana yang berkenaan.</p>	<u>21</u>	<p><u>Bagi penyelesaian awal Program, Pemegang Kad dikehendaki membayar baki penuh Amaun CashLite-i, yang hendaklah merangkumi:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> (a) <u>semua Bayaran Bulanan Cashlite-i yang perlu dibayar dan belum dibayar;</u> (b) <u>sebarang Ta'widh (caj pampasan) dan Caj Keuntungan yang telah dibilkan;</u> (c) <u>jumlah prinsipal yang belum dibayar; dan</u> (d) <u>sebarang yuran dan caj lain seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.</u>
	Tiada	<u>25</u>	<p><u>Tanpa menjejaskan Klausa 21 di atas, jika jumlah tertunggak yang timbul daripada penyelesaian awal tidak dibayar sepenuhnya pada tarikh penyelesaian awal, caj keuntungan harian pada kadar 18% setahun akan terakru ke atas baki tertunggak, dikira setiap hari dari tarikh penyelesaian awal sehingga tarikh pembayaran penuh diterima oleh Bank (termasuk kedua-dua tarikh).</u></p> <p><u>Caj keuntungan harian tersebut akan dicaj ke Akaun</u></p>

		<p><u>Pemegang Kad dan hendaklah dibayar mengikut Terma dan Syarat Pemegang Kad.</u></p> <p><u>Contoh 2: Ilustrasi Caj Keuntungan Harian Selepas Penyelesaian Awal:</u></p> <p><u>Jumlah tertunggak yang perlu dibayar semasa penyelesaian awal (termasuk prinsipal tertunggak dan Caj Keuntungan Ansuran pro-rata):</u> <u>RM3,063.25</u></p> <p><u>Tarikh penyelesaian awal: 1 Julai 2026</u></p> <p><u>Tarikh pembayaran penuh: 11 Julai 2026</u></p> <p><u>Bilangan hari tertunggak: 11 hari</u></p> <p><u>Caj keuntungan harian: 18% setahun</u></p> <p><u>Pengiraan Caj Keuntungan Harian:</u></p> <p><u>Caj keuntungan harian</u> <u>= Amaun tertunggak × 18% × Bilangan hari / 365</u> <u>= RM3,063.25 × 18% × 11 / 365</u> <u>= RM16.65</u></p> <p><u>Jumlah amaun yang perlu dibayar:</u></p> <table border="1" data-bbox="857 1058 1414 1226"> <thead> <tr> <th><u>Keterangan</u></th> <th><u>Amaun (RM)</u></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td><u>Amaun tertunggak pada tarikh penyelesaian awal</u></td> <td><u>3,063.25</u></td> </tr> <tr> <td><u>Caj keuntungan harian (11 hari)</u></td> <td><u>16.65</u></td> </tr> <tr> <td><u>Jumlah yang perlu dibayar</u></td> <td><u>3,079.90</u></td> </tr> </tbody> </table>	<u>Keterangan</u>	<u>Amaun (RM)</u>	<u>Amaun tertunggak pada tarikh penyelesaian awal</u>	<u>3,063.25</u>	<u>Caj keuntungan harian (11 hari)</u>	<u>16.65</u>	<u>Jumlah yang perlu dibayar</u>	<u>3,079.90</u>
<u>Keterangan</u>	<u>Amaun (RM)</u>									
<u>Amaun tertunggak pada tarikh penyelesaian awal</u>	<u>3,063.25</u>									
<u>Caj keuntungan harian (11 hari)</u>	<u>16.65</u>									
<u>Jumlah yang perlu dibayar</u>	<u>3,079.90</u>									
26	Jika Pembayaran Bulanan CashLite-i tidak dibayar untuk 3 bulan berturut-turut, Bank boleh menamatkan Program tersebut.	<p><u>28</u> Jika <u>Bayaran</u> Bulanan CashLite-i tidak dibayar selama 3 bulan berturut-turut, Bank boleh menamatkan Program <u>yang disediakan kepada Pemegang Kad dengan memberikan notis tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu dan Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan, kerugian atau kerosakan Pemegang Kad Layak akibat pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh Bank, melainkan jika ia disebabkan secara langsung oleh penipuan, kecuaiian atau keingkaran sengaja Bank.</u></p>								
29	Bank boleh mengubah (sama ada menambah, memotong atau sebaliknya meminda) ("Pindaan") mana-mana terma-terma dan syarat-syarat dengan memberikan kepada Pemegang Kad notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum sebarang Pindaan berkuat kuasa. Notis Pindaan boleh	<p><u>31</u> Bank boleh mengubah (sama ada menambah, memotong atau sebaliknya meminda) ("Pindaan") mana-mana terma-terma dan syarat-syarat dengan memberikan kepada Pemegang Kad notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum sebarang Pindaan berkuat kuasa. <u>Pindaan ini boleh dibuat untuk memudahkan perubahan dalam operasi perniagaan, proses atau keperluan sistem,</u></p>								

	diberi dengan cara yang sama seperti notis pindaan diberikan di bawah Terma- Terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad.		<u>atau disebabkan oleh keperluan perundangan atau peraturan atau atas sebab-sebab yang mungkin ditetapkan oleh Bank dalam notis tersebut.</u> Notis Pindaan boleh diberi dengan cara yang sama seperti notis pindaan diberikan di bawah Terma- Terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad.
32	Bank tidak akan bertanggungjawab jika ia tidak dapat melaksanakan mana-mana kewajipannya di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini atau yang berkaitan dengan Program disebabkan apa-apa bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang peristiwa di luar kawalan munasabah Bank	<u>34</u>	Bank tidak akan bertanggungjawab jika ia tidak dapat melaksanakan mana-mana kewajipannya di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat ini atau yang berkaitan dengan Program disebabkan apa-apa bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, sekat masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang peristiwa di luar kawalan munasabah Bank <u>melainkan jika perkara yang sama disebabkan secara langsung oleh penipuan, kecuaiian atau keingkaran yang disengajakan oleh Bank.</u>

Untuk sebarang pertanyaan mengenai notis ini, anda boleh menghubungi kami di +603 6204 7788 untuk bantuan lanjut.

Terima Kasih.

Pihak Pengurusan
CIMB Bank Berhad / CIMB Islamic Bank Berhad